

02 AUG 1996

Mahathir - Sains

PENDEKATAN SEIMBANG UNTUK SAINS DAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata pendekatan seimbang bagi pembangunan sains dan teknologi penting untuk Malaysia mencapai kemajuan dalam bidang berkenaan.

Ini kerana negara-negara kini menaruh harapan kepada sains dan teknologi bagi menyelamatkan ekonomi yang beku dan mengakhiri kemelaratan dan kemiskinan, kata Perdana Menteri ketika berucap pada jamuan Malam Anugerah Akademi Sains Malaysia di sini.

Menurut beliau rakyat Malaysia perlu memusatkan perhatian kepada penyelidikan dan mengenal pasti apa yang relevan dan berguna untuk mereka dan masyarakat.

"Penyelidikan untuk semata-mata menimba ilmu mungkin akhirnya menghasilkan sesuatu yang bermanfaat tetapi kita tidak mempunyai wang atau masa untuk ini," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan Fellow Kehormat Akademi Sains Malaysia kerana sumbangan besar dan iltizam beliau terhadap pembangunan sains dan teknologi di Malaysia.

"Memang, budaya kita menegah pemindahan kepakaran kita kepada pihak lain. Para doktor Barat dari semasa ke semasa melaporkan dalam jurnal perubatan tentang penemuan bagi rawatan terhadap sesetengah penyakit sedangkan "dukun" dan "bomoh" kita, jangan harap mereka akan memberitahu mengenai rahsia rawatan mereka. Oleh itu, banyak cara rawatan berkubur bersama pengamalnya," kata beliau.

Beliau berkata, rakyat Malaysia harus mengatasi budaya mental yang menjadi penghalang dan melaporkan apa-apa penemuan demi kebaikan manusia sejagat.

Menurut beliau, mereka harus diberi ganjaran (bagi melaporkan penemuan) berupa pengiktirafan oleh masyarakat melalui Hadiah Nobel dan dibayar royalti tetapi yang paling buruk sekali ialah membawa bersama pengetahuan dan kepakaran ke liang kubur.

"Marilah kita merenung perkara ini apabila kita mengadu tentang orang lain yang tidak mahu memindahkan teknologi kepada kita," kata beliau.

Beliau berkata, bagi kebanyakan rakyat Malaysia, sains dan teknokogi masih asing dan sukar difahami tetapi ia tidak selama-lamanya asing jika digunakan selalu.

Dr Mahathir berkata tiada keajaiban dalam penemuan dan rekaaan oleh para pereka agung dan tokoh pintar dalam teknologi.

"Soalnya, ialah bagaimana hendak menyesuaikan penemuan saintifik itu dengan pelbagai keadaan yang berbeza tanpa jemu dengan menggunakan semua teknik dan instrumen yang ada sehingga formula yang tepat ditemui," kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak semestinya menjadi "genius" untuk menghasilkan penemuan saintifik atau teknologi tetapi yang perlu ialah kesungguhan dan dedikasi."

Wawasan untuk menjadikan Malaysia negara maju, progresif, inovatif dan masyarakat yang memandang ke hadapan bukan lagi sebagai impian kerana sejak Merdeka pada 1957, negara telah mengiktiraf pentingnya sains dan teknologi dalam pembangunan dan kemudian memasukkannya dalam Rukunegara dan sistem pendidikan negara.

Dr Mahathir berkata beliau berbangga bahawa sejak dilancarkan pada September tahun lepas, Akademi Sains Malaysia telah dapat menggubal dan melaksanakan program yang mewujudkan kesedaran tentang pentingnya sains dan

teknologi di kalangan masyarakat melalui bengkel, ceramah umum dan pidato mengenai perkara berkaitan dengan perkembangan terkini dalam bidang berkenaan.

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Akademi atas penganugerahan Feloow kehormayt kepada beliau sambil berkata: "Saya berharap suatu hari nanti istilah "Ahli Akademik" hanya meliputi mereka yang benar-benar menjadi anggota Akademi sains (bukan kehormat). -- BERNAMA

HS FAZ